## SEJARAH LOGO HARI KEBANGSAAN SEJAK 1976

KETAHANAN RAKYAT — 31 OGOS — 1976

BERSATU MAJU — 31 OGOS 1977 — 1977

KEBUDAYAAN SENDI PERPADUAN — 1978

1979

1980

1981

BERDISIPLIN 25 GIAT MAJU — 1982

1983

1984

1985

1986

1987

1988

1989

1990

2020 — 1991

1992

1993

1994

1995

1996

1997

1998

1999

2000-2006

Malaysiaku Gemilang — 2007

SAMBUTAN ULANGTAHUN KEMERDEKAAN KE-51 PERPADUAN TERAS KEJAYAAN — 2008

1Malaysia RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN — 2009

1Malaysia MENJANA TRANSFORMASI — 2010

1Malaysia TRANSFORMASI BERJAYA RAKYAT SEJAHTERA — 2011

1Malaysia 55 Merdeka Janji Ditepati — 2012

MERDEKA MALAYSIAKU BERDAULAT TANAH TUMPAHNYA DARAHKU — 2013

MALAYSIA... Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta 57 — 2014

MALAYSIA #sehatisejiwa — 2015 - 2016



HASHIM menunjukkan salah satu logo rekaannya sempena Majlis Perasmian Logo Hari Kebangsaan di Galeri Shah Alam.

# KISAH DI SEBALIK LOGO

■ *Reka bentuk ringkas lambang Hari Kebangsaan terap ciri perpaduan bangsa kekalkan kemerdekaan negara*

> "Idea muncul berdasarkan tema diberi"
> Hashim Hassan



LUKISAN wau yang berasaskan logo Hari Kebangsaan.



SEORANG pelajar melihat pameran logo Hari Kebangsaan di Galeri Shah Alam.


**Siraj Mohd Zaini**
siraj@hmetro.com.my


**Shah Alam**

Reka bentuknya ringkas, tetapi maksud di sebalik setiap simbol yang ada pada setiap lakaran itu adalah perkara penting sebelum dipersembahkan kepada khalayak umum.

Logo Hari Kebangsaan yang diperkenalkan sejak 1976 sehingga kini sudah melalui pelbagai perubahan bentuk dan warna namun masih mengekalkan maksud yang menjurus kepada perpaduan negara.

Bagi Bapa Logo Hari Kebangsaan, Hashim Hassan, 78, cabaran menterjemahkan tema Hari Kebangsaan ke dalam bentuk logo adalah sesuatu yang menyeronokkan namun memerlukan ketelitian.

Beliau yang lapan kali dipilih mencipta logo Hari Kebangsaan itu berkata, idea mengenai reka bentuk sesuatu logo perlu diselaraskan dengan maksud tertentu supaya lebih memberi impak berkesan.

"Idea dan ilham itu muncul berdasarkan tema diberi. Saya kemudian menggambarkan menerusi rekaan dan maksudnya di atas kertas bersaiz poster berwarna yang kebanyakannya warna bendera negara iaitu biru, merah, kuning sebelum dipotong menjadi bentuk tertentu.

"Kebanyakan maksud lebih tertumpu kepada perpaduan bangsa dan mengekalkan kemerdekaan negara," katanya ketika ditemui Harian Metro selepas menghadiri Pameran Logo Hari Kebangsaan 1976–2016 di Galeri Shah Alam di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Jailani Johari dan Pengarah Galeri Shah Alam Said Abu.

Menurut Hashim yang mencipta logo pada tahun 1980, 1981, 1983, 1984, 1985, 1986, 1987, dan 1991 itu, ia bukan soal bayaran atau pujian yang ingin diraih namun kepuasan diri apabila melihat logo diarak pada hari ulang tahun kemerdekaan negara.

Beliau yang juga bekas Profesor Madya di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Universiti Teknologi Mara (UiTM) tidak terkilan sekiranya sumbangannya selama ini tidak mendapat pengiktirafan sewajarnya daripada mana-mana pihak.

"Dulu, tiada sebarang bayaran dan saya hanya diberi sumbangan kadangkala RM100.

"Namun, saya tidak kisah kerana seronok dengan tanggungjawab yang diamanahkan ini. Sukar menggambarkan rasa bangga dan terharu diberi kepercayaan itu," katanya.

Sementara itu, Jailani berkata, generasi muda turut perlu menyumbang kepada penciptaan logo Hari Kebangsaan pada masa depan.

"Setiap logo mempunyai maksud tersendiri dan menerusi pameran ini, kita dapat berjumpa pencipta logo yang pernah mencipta logo Hari Kebangsaan pada tahun terdahulu.

"Generasi muda perlu mengambil peluang supaya kemahiran ini tidak terkubur tanpa diwarisi," katanya ketika ditemui.



SEKUMPULAN pelajar teruja melihat pameran logo Hari Kebangsaan sempena Majlis Perasmian Logo Hari Kebangsaan di Galeri Shah Alam.



PEREKA logo Hari Kebangsaan tahun 1997, Muhamad Azid Abdul Latiff.

1997



> "Setiap logo mempunyai maksud tersendiri dan menerusi pameran ini, kita dapat berjumpa pencipta logo yang pernah mencipta logo Hari Kebangsaan pada tahun terdahulu"
> Jailani Johari